

Sepakat perkukuh pendidikan, penyelidikan perubatan

Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Perdana University menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperkukuhkan pendidikan dan penyelidikan bidang perubatan.

MoU itu bertujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan menerusi perkongsian pendedahan, maklumat dan amalan pengurusan terkini, khususnya dalam aspek penjagaan serta kesejahteraan pesakit.

Naib Canselor UPM, Datuk Profesor Ir Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata, UPM komited memperkukuh hubungan strategik dengan pelbagai pihak termasuk universiti tempatan dan antarabangsa demi mempertingkatkan kecemerlangan profesionalisme serta



UPM dan Perdana University jalin kerjasama strategik perkukuh pendidikan dan penyelidikan bidang perubatan.

menyumbang kepada kemajuan sistem pendidikan dan kesihatan berimpak tinggi.

Katanya, kerjasama itu bukan sahaja memberi manfaat kepada kedua-dua universiti, tetapi turut memberi impak besar kepada negara, masyarakat dan dunia pendidikan secara keseluruhan.

“Selain itu, kerjasama ini dapat memperkasakan

kekuatan masing-masing kerana ia memfokuskan pelbagai bidang khususnya dalam sektor kesihatan.

“Saya berharap kerjasama yang terpatik kukuh antara kedua-dua pihak ini dapat memberikan manfaat dalam bidang seperti penyelidikan, pembangunan akademik, mobiliti pelajar dan pengukuhan kemahiran kepimpinan.

“Kami juga berharap jalinan kerjasama ini memberikan impak berterusan, bukan sahaja dalam meningkatkan kecemerlangan akademik, tetapi juga dalam memperkukuhkan hubungan antara dua universiti ini serta memperluas jaringan kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi lain di masa hadapan,” katanya

pada majlis menandatangani MoU yang berlangsung di HSAAS, UPM baru-baru ini.

Hadir sama Naib Canselor Perdana University, Datuk Profesor Dr Imran Ho Abdullah; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Profesor Dr Ismi Arif Ismail; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM Profesor Dr Zamberi Sekawi; Pengarah Urusan HSAAS, UPM, Profesor Madya Dr Nor Fadhlina Zakaria serta Dekan School of Occupational Therapy, Perdana University, Profesor Nathan Vytialingam.

Sementara itu, Dr Imran berkata, kerjasama strategik ini menyediakan penempatan klinikal bagi pelajarnya dari program Ijazah Sarjana Muda Terapi Carakerja (Kepujian).

Katanya, program itu antara program perintis dalam pendidikan terapi

cara kerja di institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia dan sudah melahirkan lebih daripada 100 graduan terapi cara kerja.

“Kami percaya, kolaborasi ini bukan sahaja akan memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar, tetapi turut menyumbang kepada pengukuhan perkhidmatan kesihatan khususnya dalam bidang rehabilitasi dan kesihatan mental.

“Pihak HSAAS yang memiliki kepakaran pelbagai disiplin dan komitmen terhadap latihan serta pembelajaran berterusan adalah rakan strategik yang sangat ideal.

“Oleh itu, kami di Perdana University sangat menghargai peluang ini dan melihatnya sebagai titik tolak kepada hubungan jangka panjang yang saling menguntungkan,” katanya.